



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN HARI BUMI 2021 DI *MICRON*  
*MALAYSIA*

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 APRIL 2021 (JUMAAT)**  
**10.00 PAGI**

**MICRON MEMORY MALAYSIA SDN. BHD.**  
**TAMAN PERINDUSTRIAN BATU KAWAN**  
**SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai dan  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud**

Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Encik Amarjit Singh Sandhu**

Naib Presiden *Micron Malaysia*

**Encik Ramamoorthy a/l Ganapathy Iyer**

Pengarah Urusan *Micron Memory Malaysia*

**Encik Seven Yang**

Pengarah Kanan Micron Muar & Pulau Pinang

**Seluruh Warga *Micron Malaysia***

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Hari Bumi 2021 anjuran *Micron Memory Malaysia*. Di bulan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan kepada semua para hadirin yang beragama Islam, “**Selamat Menyambut Bulan Ramadhan**”. Bulan yang penuh barokah dan saya mengharapkan agar kita semua sentiasa melipat gandakan doa agar kita diberi kekuatan dan kesungguhan untuk melawan cabaran pandemik COVID-19 ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan serta terima kasih kepada Encik Amarjit Singh Sandhu, Naib Presiden *Micron Malaysia*; Encik Ramu, *Senior Director Micron Penang*; Seven Yang, Pengarah Kanan Micron Muar & Pulau Pinang; dan pihak Pengurusan *Micron Malaysia* di atas kesudian mengundang saya dan MBSP untuk bersama-sama meraikan pelancaran Hari Bumi 2021 di *Micron Malaysia*, Batu Kawan pada pagi ini. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada *Micron Malaysia* atas usaha menganjurkan program ini.

## Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Sambutan Hari Bumi merupakan acara tahunan yang disambut pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia bermula daripada tahun 1970 dan tahun ini merupakan Sambutan Hari Bumi yang ke-51. Sambutan ini adalah sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang. Tema Sambutan Hari Bumi 2021 kali ini adalah "*Restore Our Earth*".

*Micron Malaysia* menganjurkan serta menyambut Hari Bumi 2021 untuk menunjukkan sokongan terhadap perlindungan alam sekitar dan pada masa yang sama memupuk semangat kesedaran di kalangan warga kerjanya mengenai pentingnya pembangunan lestari dan melestarikan alam semulajadi untuk generasi akan datang. Saya amat berbangga dengan penglibatan dan sokongan padu yang diberikan oleh *Micron Malaysia* dalam usaha dan komitmen dalam menyambut Hari Bumi 2021 yang secara tidak langsung menggambarkan semangat warga kerja *Micron Malaysia* yang

cintakan kehijauan bumi dan kesejahteraan alam sekitar. Syabas dan Tahniah!

*Micron Malaysia* merupakan rakan strategik MBSP melalui konsep 7Ps (**People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership**), di mana melalui pendekatan 7Ps ini, *Micron Malaysia* telah menjalin satu kerjasama dengan MBSP dalam mengembangkan dan mendidik warga kerja *Micron Malaysia* dan juga warga Seberang Perai dalam usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita. *Micron Malaysia* telah banyak terlibat dalam program hijau bersama MBSP terutamanya dalam aktiviti-aktiviti pengkomposan, kitar semula dan pembuatan minyak masak terpakai.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Usaha-usaha memelihara dan memulihara alam sekitar bukan hanya terletak di tangan pihak kerajaan seperti MBSP, malah semua golongan masyarakat termasuk pihak swasta dipertanggungjawabkan dalam memainkan peranan masing-masing bagi meningkatkan kesedaran melindungi serta memulihara alam sekitar. Sepertimana yang kita sedia maklum, *Micron Malaysia* amat komited terhadap amalan kelestarian dan ini

adalah penting dalam konteks pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar di Malaysia. Pembangunan lestari melibatkan pembangunan ekonomi, sosial dan perlindungan alam sekitar di mana ketiga-tiga ini harus membangun bersama untuk memastikan pembangunan lestari.

*Micron Malaysia* memainkan peranan penting menyumbang dari segi sektor ekonomi yang menyokong usaha alam sekitar dari pengekstrakan sumber hingga ke pembuatan, sehingga ke penggunaan produk dan seterusnya kepada ketahanan akhir hayat. *Micron Malaysia* tidak lagi menyalurkan sisa organik ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung untuk dilupuskan tetapi memproses sisa tersebut untuk dijadikan kompos. *Micron Malaysia* juga akan menanam sayur organik berasaskan kaedah *bio-soil* dan kompos yang dihasilkan sendiri untuk dijadikan sebagai baja. Warga kerja *Micron Malaysia* boleh nikmati makanan yang sihat dan menuju ke arah hidup sihat.

Sekiranya kesemua barang terpakai yang boleh dikitar semula dikumpulkan, *Micron Malaysia* boleh mencapai status kilang sisa sifar dan mempunyai peluang yang cerah untuk memenangi Anugerah *Circular Economy* Komuniti / Industri pada tahun ini.

Amatlah mengagumkan sebagaimana yang kita lihat misi jangka panjang yang jitu daripada *Micron Malaysia* untuk pembangunan kelestarian yang merangkumi kategori Iklim, air dan sisa pembuangan. MBSP telah dan sedang bekerjasama dengan *Micron Malaysia* untuk projek pemulihan kualiti air melalui “*water conservation programme*”, projek kitar semula minyak masak menjadi sabun serta projek Taman Grande di mana kesemua projek ini selari dengan objektif MBSP.

Saya merasa amat bangga untuk menyambut Hari Bumi 2021 bersama-sama *Micron Malaysia* yang amat gigih dalam melaksanakan program-program pemeliharaan dan pemulihan alam sekitar. Tahniah diucapkan kepada *Micron Malaysia* yang akan mewujudkan “*forest garden*” di atas tapak seluas empat (4) hektar di Batu Kawan dengan menanam 180,000 pohon pokok. Ini adalah bersamaan enam (6) buah padang bola sepak.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada *Micron Malaysia* kerana bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ekonomi tetapi pada masa yang sama menjadi contoh kepada semua dalam mencapai pembangunan mampan. Saya menyarankan misi *Micron Malaysia* untuk pembangunan kelestarian menjadi penanda aras utama syarikat swasta

mahupun golongan masyarakat bagi memastikan kita terus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

MBSP sentiasa bergerak dalam satu pasukan dan amat mengutamakan kehendak warga Seberang Perai. MBSP telah menetapkan satu *guiding principle* iaitu “*City for All*”. Ini adalah satu petunjuk yang jelas bahawa pembangunan bandar adalah untuk rakyat dan oleh rakyat kita (*build this city for the people and by the people*). Way forward, MBSP mengharapkan agar kita dapat meneroka program-program baru yang dapat membantu ekonomi penduduk Seberang Perai. Dengan meletakkan pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), saya yakin MBSP dapat merealisasikan “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” menjelang tahun 2022 dan mentransformasi Seberang Perai menjadi **SMART SUSTAINABLE CITY** menjelang tahun 2030.

Saya percaya bahawa kejayaan hanya akan datang dengan usaha. Dan usaha mampu dilipatgandakan dengan kerjasama berpasukan. Saya mengharapkan agar amalan kerja secara berpasukan yang diberikan oleh



barisan ahli-ahli majlis dan warga kerja majlis bandaraya, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta seperti *Micron Malaysia* dapat diteruskan dalam memberikan pekhidmatan yang terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah kepada warga Seberang Perai.

Akhir sekali, *Micron Malaysia* telah melaksanakan banyak inisiatif persekitaran yang membantu mengurangkan jejak karbon. Tahniah kepada Encik Amarjit Singh Sandhu dan pasukan beliau di *Micron Malaysia*. Sesungguhnya, segala jasa dan bakti kesemua warga kerja *Micron Malaysia* dalam mengusahakan pembangunan kelestarian ini sangatlah bermakna dan akan dikenang sebagai satu sumbangan yang amat dihargai. Semoga kerjasama dan sokongan padu seperti ini akan berterusan di masa akan datang.

Dengan lafaz **BISMILLAH HIRAHMANIRRAHIM**, saya dengan ini merasmikan MAJLIS PELANCARAN HARI BUMI 2021 anjuran *MICRON MALAYSIA*.

Saya sudahi dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You**